

10/02/2001

Umno, Pas semakin melepasi tembok halangan

DARIPADA asalnya idea untuk duduk semeja bagi membincangkan agenda Melayu dan kemudian berbalas dengan isu perpaduan nasional, timbul pula cakap-cakap mengenai kemungkinan Pas menyertai Barisan Nasional (BN). Ramai yang ketika itu sangsi dengan kebarangkalian muzakarah Umno-Pas dapat diadakan kerana ia dilihat sudah terkeluar daripada susur galur perbincangan sebenar. Namun, kalau pun masih ada keraguan, riak wajah Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob, dan Setiausaha Agung Pas, Nasharudin Mat Isa, selepas pertemuan bagi membincangkan butir-butir teknikal di ibu negara kelmarin, harus melenyapkannya. Persetujuan terhadap perkara asas perbincangan bermakna tembok halangan yang terbina selama ini sudah pun diruntuhkan.

Satu lagi pertemuan ringkas yang dijadualkan minggu depan selepas kedua-dua pihak mengemukakan hasil perbincangan kelmarin kepada peringkat tertinggi masing-masing, tidak ubah sekadar formaliti. Berlawanan dengan yang diharapkan oleh pihak tertentu agar ia tidak menjadi kenyataan atas sebab-sebab yang berkepentingan kepada mereka, muzakarah Umno-Pas yang mencakupi pentingnya perpaduan Melayu dan mungkin diperluaskan kepada agenda perpaduan nasional pula, belum tergelincir daripada landasan perbincangan. Sama ada ia akan berlangsung seminggu atau sebulan lagi, muzakarah berkenaan yang dinanti-nantikan hasilnya oleh seluruh umat Melayu, bakal melakar sejarah. Ia akan mengutarakan isyarat jelas bahawa orang Melayu yang berlainan fahaman politik sekalipun boleh bersatu bagi memperjuangkan matlamat dan kepentingan bersama.

Ia bukan berkisar kepada kemungkinan Pas menyertai BN dan bukanlah juga BN yang terharap-harap agar Pas kembali menganggotai kerabatnya. Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sendiri mengakui ia bukanlah kemungkinan yang boleh berlaku dalam waktu terdekat ini sambil pendirian beberapa pemimpin Pas yang tidak cenderung ke arah itu wajar dihormati. Perpaduan Melayu yang dicita-citakan tidak terdesak untuk menghimpunkan semua orang Melayu di bawah satu gagasan politik, sebaliknya memadai dengan persetujuan dan persefahaman untuk saling bekerjasama memperjuang dan mempertahankan keistimewaan dan kepentingan bangsa daripada dicabar dan digugat.

Soal perpaduan Melayu sebenarnya merangkumi skop yang amat luas. Baik dalam menangani isu agama, sosial, pendidikan dan ekonomi, orang Melayu tiada masa untuk berbalah sesama sendiri. Soal yang hendak dibincangkan ialah mencari jalan bagaimana orang Melayu boleh hidup dalam suasana tenteram dan rukun damai, saling hormat-menghormati antara satu dengan lain serta mengelakkan dendam dan permusuhan. Kekuatan orang Melayu dalam suasana politik di Malaysia ini begitu penting. Ternyata, akibat perbalahan di kalangan orang Melayu, sudah ada pihak yang mencabar kedaulatan Melayu dan agama Islam. Sekiranya orang Melayu bersatu dalam menghadapi apa juga isu, keadaan seperti ini tidak akan berlaku. Penyatuan bukan saja memperkukuhkan ikatan sesama orang Melayu tetapi juga menjadi faktor utama kestabilan politik negara.

(END)